

Keberkesanan Aktiviti Ko-Kurikulum (Sukan) : Perbandingan di antara Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Akademik Harian

Oleh

Prof. Madya Dr. Azizi Hj. Yahaya
Shahrin hashim
Yusof Abd Muthalib
Fakulti Pendidikan
UTM Skudai Johor
Noordin Hj. Yahaya
UITM Cawangan Segamat

ABSTRAK: Kegiatan sukan merupakan satu elemen penting ke arah pertumbuhan kecerdasan sendiri individu yang meliputi aspek fizikal, mental, sosial dan emosi yang diwajibkan di setiap sekolah. Oleh itu kajian yang berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah berlakunya keberkesanan pendidikan ko-kurikulum di Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Akademik dari dimensi input, proses dan produk yang di perkenalkan oleh Stuffiebeam. Instrumen kajian adalah satu set soal selidik yang diberikan oleh penyelidik sendiri kepada 163 orang pelajar untuk mendapatkan data secara sistematik yang melibatkan Sekolah Menengah Teknik Kulim, Sekolah Menengah Teknik Butterworth, Sekolah Menengah Tikam Batu dan Sekolah Menengah Kota Kuala Muda, Kedah. Segala data yang diperolehi dikumpulkan dan dikodkan seterusnya diproses dengan menggunakan program SPSS yang menjurus kepada angka peratus dan nilai min yang berpandukan kepada skala likert setuju, sangat setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Kajian yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan-kelemahan pada bidangbidang tertentu. Penyelidik mencadangkan kepada pihak pengurusan sekolah agar memainkan peranan dengan lebih berkesan lagi. Adalah diharapkan apa yang dikemukakan ini menjadi satu panduan dan maklumat yang berguna lagi bermakna kepada pihak tertentu supaya memperbaiki manamana aspek yang wajar. Semoga usaha kita akan berjaya dan diberkati Allah.

Pendahuluan

Sejak negara kita Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957 melalui Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, maka bermulalah reformasi demi reformasi dilakukan terhadap pendidikan negara melalui Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960) dan berbagai lagi pembaharuan dilakukan. Tidak ketinggalan juga melalui kuasa politik negara. Hasil daripada pembaharuan pelaksanaan dimensi pendidikan ini, maka terbentuklah apa yang disebut dengan nama Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR 1983) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM 1989).

Rentetan daripada reformasi pendidikan inilah juga, maka berlakunya perubahan terhadap Sekolah Menengah Vokasional kepada Sekolah Menengah

Teknik yang sedang berjalan sekarang. Matlamat usaha ini diambil terhadap penukaran Sekolah Menengah Vokasional adalah untuk menyediakan jurutera dan juruteknik berketerampilan serta profesional. Negara sudah pasti mempunyai wawasan tersendiri sama ada berdasarkan acuan sendiri atau pengubahsuaian pendekatan negara lain. Penstrukturan baru sekolah Menengah Vokasional kepada Sekolah Menengah Teknik ini seperti yang diumumkan oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Tun Razak, tidak lama dahulu adalah satu daripada langkah menghadapi cabaran itu, seterusnya mengatasi masalah kekurangan 9,000 jurutera dan 17,000 juruteknik menjelang tahun 2000.

Di dalam menghadapi era globalisasi yang canggih ini, Sekolah Menengah Teknik juga mempunyai bidang pengajian yang sama dengan Sekolah Menengah Akademik yang lain juga, sebagaimana yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu:

- 1) Pendidikan berdasarkan kepada kurikulum.
- 2) Pendidikan berasaskan kepada ko- kurikulum.

Pendidikan ko-kurikulum terbahagi kepada tiga (3) pecahan:

- i) Sukan dan permainan.
- ii) Pakaian seragam.
- iii) Persatuan dan kelab.

Sekiranya sensitiviti digunakan untuk merasai apa yang sedang berlaku sekarang ini di sekolah-sekolah terutamanya Sekolah Menengah Teknik akan dapat dirumuskan bahawa kegiatan ko-kurikulum (Sukan) kurang dititik beratkan dan hanya melepaskan batuk di tangga sahaja. Lagipun kegiatan ko-kurikulum ini di anggap sebagai membuang masa dan hanya dijalankan apabila masa terluang tanpa melihat akan objektif kewujudannya.

Pakar Sains Sukan Jabatan Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Kamarudin Ahmad (1998) menyatakan, kekurangan peralatan juga berlaku di sekolah -sekolah sukan sendiri dan ini lebih-lebih lagi akan berlaku di Sekolah Menengah Teknik.

Muhammad Rashid (1995) menyatakan, kurikulum perlu diubah supaya sesuai dengan pasaran industri di masa hadapan. Begitu juga dengan beberapa orang guru yang berpengalaman dan pernah menempuh tempoh pengajian di Sekolah Menengah Teknik ini berkata, kegiatan ko-kurikulum di Sekolah Menengah Teknik ini memang menghadapi banyak masalah. Pandangan masyarakat pada ketika itu juga beranggapan bahawa kejayaan anak-anak hanyalah pada kertas. Akibatnya fahaman ini bertunjang ke dalam sanubari hingga kehari ini. Dengan fahaman yang sedemikianlah kesuburan pendidikan ini dengan sendirinya telah diracuni keluarga dan masyarakat seterusnya semua pihak akan kerugian.

Pernyataan Masalah

Sudah banyak kajian-kajian dijalankan untuk dipegang hasilnya demi kebaikan dalam kehidupan. Oleh itu berdasarkan kepada latar belakang masalah, pengkaji ingin mengkaji apakah benar berlakunya keberkesanan atau tidak ke atas pendidikan ko-kurikulum di Sekolah Menengah Teknik dan dibandingkan dengan Sekolah Menengah Akademik ataupun memang berlakunya keberkesanan di dua buah sekolah

yang berlainan kurikulum ini. Jika tidak pengetua haruslah bertindak sesuatu, dan amatlah merugikan pelajar dan sistem pendidikan negara.

Dari itu, untuk melihat kejayaan matlamat pendidikan ini, pengetua hendaklah memastikan segala kelengkapan yang di perlukan disediakan dengan selengkapnya dengan kadar segera. Pentadbiran sekolah adalah aspek penting dalam melicinkan perjalanan mata pelajaran ini. Keupayaan pengetua mendapatkan peruntukan untuk satu-satu keperluan amat penting dan ini terpulang kepada kebijaksanaannya. Pengalaman pengetua dalam pentadbiran dan pengurusan melibatkan pihak atasan sedikit sebanyak menolong dalam hal ini.

Supaya pelajaran ini berkesan, maka input kepada pendidikan ini penting seperti pengetahuan dan kemahiran guru, kelengkapan peralatan yang mencukupi, strategi pembelajaran hendaklah tepat dan sesuai pada sasaran. Produk yang baik, pencapaian dari pelajar, perlu dinilai dari aspek pengetahuan dan kemahiran yang mereka kuasai di akhir pembelajaran.

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai objektif yang bertujuan:

- i) Untuk menilai akan keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran ko-kurikulum dari aspek dimensi input iaitu dari segi pengetahuan dan kemahiran guru dan kelengkapan peralatan bersukan.
- ii) Untuk menilai keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran ko-kurikulum dari dimensi proses iaitu strategi pengajaran dan pembelajaran, strategi penilaian dan kesesuaian jadual waktu.
- iii) Untuk menilai keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran ko-kurikulum dari dimensi produk iaitu dari aspek penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian di akhir persekolahan dan dapat diamalkan didalam kehidupan seharian.

Persoalan Kajian

Matlamat utama kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan jawapan-jawapan seperti berikut:

- i) Sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran ko-kurikulum (sukan) dari dimensi input iaitu pengetahuan guru, kemahiran guru dan kelengkapan peralatan bersukan.
- ii) Sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran ko-kurikulum (sukan) dari dimensi proses iaitu strategi pengajaran dan pembelajaran dan strategi penilaian serta kesesuaian perjalanan jadual waktu.
- iii) Sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran ko-kurikulum (sukan) dari konteks produk iaitu dari aspek penguasaan ilmu pengetahuan, penguasaan kemahiran di akhir persekolahan dan dapat diamalkan di dalam kehidupan seharian.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan ingin mengkaji adakah berlakunya ketidakseimbangan penekanan terhadap pelajaran ko-kurikulum di antara Sekolah Menengah Akademik dibandingkan dengan Sekolah Menengah Teknik.

Sepertimana yang sedia maklum, aktiviti ko-kurikulum ini adalah mata pelajaran yang sudah lama diperkenalkan di sekolah-sekolah di seluruh negara. Walaupun begitu kelancaran perjalanannya agak terbantut sedikit pada Sekolah Menengah Teknik.

Oleh yang demikian kajian yang dijalankan ini sedikit sebanyak akan dapat memberikan maklumat terkini kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak-pihak yang sewajarnya akan keberkesannya yang dinilai dengan menggunakan model penilaian KIPP iaitu input, proses dan produk.

Menurut Sharifah Alwiyah (1991) perubahan perlu dilakukan segera oleh pihak tertentu untuk kepentingan pelajar, masyarakat dan negara. Dasar pendidikan negara perlu dilaksanakan. Wawasan negara perlu dimartabatkan, Falsafah Pendidikan Negara perlu dipraktikkan sebagai teras pendidikan kepada semua pelaksana.

Pada dimensi input, pengkaji ingin mengukur keberkesannya mengenai pengetahuan guru, kemahiran guru dan kelengkapan peralatan. Dalam dimensi proses pula pengkaji ingin mengkaji bagaimana proses penilaian pihak berkenaan dapat mengamalkan strategi pengajaran dan pembelajaran guru, serta kaedah-kaedah penilaian yang lebih berkesan keatas pelajar dan kesesuaian jadual waktu.

Dalam fasa dimensi produk pula, penyelidikan akan dapat menilai perubahan sikap pelajar dari aspek pengetahuan dan kemahiran yang telah mereka perolehi sepanjang mengikuti program ko-kurikulum (sukan) sejak tingkatan 4 hingga tingkatan 5.

Kajian ini penting kerana matlamat ko-kurikulum adalah membekalkan pengetahuan dan kemahiran yang boleh digunakan di dalam kehidupan seharian. Tidak kurang pentingnya juga, pihak kementerian Pendidikan Malaysia dapat mengetahui pencapaian objektif ko-kurikulum (sukan) yang sebenarnya berlaku.

Batasan Kajian

Kesedaran pengkaji bahawa sukan merupakan kegiatan profesional dan perlaksanaannya amat luas. Kajian ini dibatasi kepada empat (4) buah sekolah sahaja iaitu dua (2) buah Sekolah Menengah Akademik dan dua (2) buah lagi Sekolah Menengah Teknik. Kajian ini hanya melibatkan pelajar – pelajar tahun 4 dan 5 sahaja yang dipilih secara rawak.

Pemilihan subjek ini berdasarkan kepada:

- i) Wujud berbagai etnik, agama dan latar belakang subjek kajian. Pemilihan secara rawak ini melibatkan juga berbagai bangsa seperti Melayu, Cina dan India. Oleh itu latar belakang mereka juga berbeza.
- ii) Wujudnya pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Untuk menjadikan keputusan kajian lebih adil maka jantina pelajar mesti di sama ratakan penyertaan mereka.
- iii) Sekolah – sekolah yang berkenaan mempunyai persamaan.

Dua jenis sekolah ini dipilih kerana pelajar – pelajar mempunyai perancangan masa depan yang sama walaupun berlainan sekolah.

- iv) Pelajar – pelajar yang ada dianggap mempunyai kepandaian yang sama sahaja tanpa mengira bangsa dan agama.
- v) Alam persekitaran yang ujud agak sama antara satu sama lain. Persekitaran suasana pembelajaran walaupun berbagai sekolah tetapi ianya tetap sama.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik yang digunakan dengan mengedarkannya sendiri oleh penyelidik kepada responden. Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengetahui keberkesanan pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Ko-Kurikulum (Sukan) di dua buah sekolah berkenaan.

Mengikut Mouly (1970) dipetik dari Fullan (1991) dalam Atan Husain (1996), penyelidikan boleh dianggap sebagai satu proses untuk menyelesaikan sesuatu masalah melalui perancangan, pengumpulan, penganalisan dan pentafsiran data yang sistematik.

Rekabentuk Penyelidikan

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu penyelidikan yang berbentuk deskriptif dan bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran Ko-Kurikulum (Sukan) berpandukan kepada model penilaian KIPP oleh Stufflebeam. Instrumen kajian ini dibentuk berdasarkan kepada

kajian-kajian yang telah dijalankan dalam bidang berkenaan oleh tokoh-tokoh di dalam dan di luar negara serta pandangan-pandangan daripada tokoh-tokoh pendidikan di Malaysia berkenaan terhadap mata pelajaran kokurikulum (sukan). Rasionalnya kaedah ini digunakan ialah kerana ianya dapat melihat kepada satu-satu aspek secara lebih terperinci.

Di dalam penilaian program Pendidikan Ko-Kurikulum ini, penyelidik telah menggunakan model KIPP. Di dalam kaedah ini pengkaji hanya mengambil tiga persoalan pokok yang hendak dinilai, iaitu Input, Proses dan Produk.

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki terhadap penilaian dari aspek keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran ini berdasarkan model KIPP, seperti penilaian kerelevan objektif Pendidikan Ko-Kurikulum dengan falsafah pendidikan negara, masalah dan keyakinan serta kemahiran pengajar terhadap perubahan.

Penilaian input termasuk, pengetahuan dan kemahiran guru serta kelengkapan kemudahan peralatan. Penilaian proses ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran guru, penilaian serta kesesuaian jadual waktu. Penilaian produk termasuk keberkesanan dari aspek penguasaan pengetahuan dan kemahiran pelajar yang telah tamat dalam tingkatan 4 dan tingkatan 5.

3.3 Kebolehpercayaan Dan Kesahan Alat-Alat Kajian

Pengukuran merupakan perkara penting bagi setiap penyelidikan. Perihal yang selalu ditimbulkan ialah sejauh manakah sesuatu pengukuran itu boleh

memberikan skor yang sama apabila beberapa kali digunakan ke atas subjek yang sama iaitu kebolehpercayaan alat dan adakah pengukuran itu mengukur apa yang harus diukur iaitu kesahan alat.

Kebolehpercayaan sesuatu pengukuran itu merujuk kepada kestabilan pengukuran tersebut. Ada beberapa model untuk menilai kebolehpercayaan iaitu model alpha, model 'split', model Guttman, model 'parallel' dan model 'strictly parallel'. Di dalam kajian ini penyelidik menggunakan model alpha untuk menguji skala kebolehpercayaan alat kajian. Dalam soal selidik, ujian dan pemerhatian, adalah matlamat untuk membentuk pengukuran yang akan menunjukkan perbezaan atau kesamaan markat yang tekal di antara individu-individu yang betul-betul berbeza ataupun sama.

3.4 Sampel Kajian

Di dalam penetapan sampel kajian ini, penyelidik memilih dua (2) buah Sekolah Menengah Teknik dan dua (2) buah Sekolah Menengah Akademik yang wujud di negara ini dan penetapannya adalah berdasarkan kepada pemilihan secara sampel tak rawak bertujuan. Sekolah yang dipilih sebagai sampel kajian ini adalah terdiri dari 4 buah sekolah sahaja iaitu:

- a) Sekolah Menengah Teknik, Telok Air Tawar, Butterworth.
(Daerah Seberang Perai Tengah).
- b) Sekolah Menengah Teknik, Jalan Junjong, Kulim Kedah.
(Daerah Kedah Selatan).
- c) Sekolah Menengah Kebangsaan Tikam Batu, Kedah.
(Daerah Kedah Selatan).
- d) Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kuala Muda, Kedah.
(Daerah Kedah Selatan).

Jumlah responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah seramai 163 orang yang terdiri daripada pelajar tahun lima dan tahu empat sekolah berkenaan. Kesemua yang menjadi sampel kajian ini adalah dipilih secara rawak. Faktor-faktor yang diambil kira di dalam pemilihan pelajar sebagai subjek kajian adalah seperti berikut:

- a) Pelajar ini lebih memahami kerana mereka ini telah lama melibatkan diri di dalam kegiatan Ko-Kurikulum di sekolah.
- b) Segala kemudahan sukan itu telah lama mereka gunakan dan adakah ianya mencukupi dan memenuhi kehendak kurikulum.
- c) Kegiatan dan perkembangan sukan yang dilaksanakan pada satu sampel dianggap menyeluruh.
- d) Memperbanyakkan subjek kajian supaya keputusan yang diambil satu keputusan yang boleh diterima.

3.5 Instrumen Kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji menyediakan satu set soal selidik yang di khaskan kepada pelajar. Di dalam set soalan ini, pendekatan soalnya adalah dalam bentuk objektif yang di percayai dapat menilai keberkesanan program Pendidikan Ko-Kurikulum. Soal selidik direka mengikut dimensi-dimensi yang terdapat dalam model KIPP seperti input, proses dan produk.

3.6 Kajian Perintis

Sebelum kajian yang sebenarnya dilakukan, satu kajian rintis dibuat

keatas 40 orang guru KDPK tahun 4 UTM Skudai Johor dengan kebolehpercayaan keseluruhannya ialah 0.8. Kajian ini bertujuan untuk menentukan kesesuaian soal selidik dari segi:

Objektif kajian rintis ialah untuk:

- i) Memastikan kesahan item-item dari segi ketepatan, kesesuaian istilah dan struktur ayat supaya tidak timbul kekeliruan dan salah tafsir.
- ii) Menguji sama ada item-item yang dikemukakan itu adalah berkaitan dengan pengetahuan dan pengalaman guru.
- iii) Mengetahui jangka masa yang digunakan oleh responden untuk menjawab semua item dalam soal selidik. Responden diminta menjawab semua soalan dan seterusnya memberi ulasan dan pandangan mereka terhadap soal selidik tersebut. Pandangan dan ulasan mereka dijadikan panduan dalam memperbaiki soal selidik kajian ini.

3.7 Prosedur Kajian

Selepas soal selidik telah disiapkan dan dibaiki, maka tindakan susulan ini dilakukan:

- i) Memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan kajian di Serang Perai dan Kedah.
 - ii) Memohon kebenaran daripada pengarah di Jabatan Pendidikan Kedah untuk menjalankan kajian ini.
- iii) Menghantar surat-surat kelulusan daripada EPRD, Jabatan Pendidikan Negeri dan surat kebenaran untuk menjalankan kajian kepada pengetua.
- iv) Penyelidik berjumpa sendiri dengan pengetua dan menerangkan tujuan kajian.

3.8 Penganalisaan Data

Semua data yang diperolehi daripada responden yang tersusun melalui kaedah skala likert ini, dicampurkan menjadi tiga (3) kumpulan iaitu setuju dicampurkan dengan sangat setuju, tidak setuju dicampurkan dengan sangat tidak setuju dan tidak pasti serta dikodkan kepada 1 - 1.67(rendah), 1.68 – 3.33(sederhana) dan 3.34 – 5(tinggi).

Semua data yang sudah dikodkan ini diproses dengan menggunakan komputer melalui program Statistical Package For Social Sciences (SPSS). Statistik deskriptif digunakan untuk nilai peratusan menganalisis data serta nilai min.

Dalam kajian ini statistik deskriptif seperti Frekuensi, peratusan, sisihan lazim dan min digunakan untuk menganalisis kebanyakan ppemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini. Kaedah ini akan dapat menilai keberkesanan pelaksanaan pendidikan Ko-Kurikulum (Sukan) berdasarkan dimensi-dimensi yang terdapat di dalam Model KIPP.

5.2 Perbincangan

Perbincangan di dalam bab ini adalah mengikut dapatan persoalan kajian yang dibentangkan di dalam bab iv sebelum ini.

5.2.1 Dapatan Persoalan 1 Keberkesanan Pada Dimensi Input

Pada umumnya keputusan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden yang diambil sebagai sampel di dua buah Sekolah Teknik 80.5% berpuas hati dengan pengetahuan guru dan 80.4%, responden mengatakan guru mempunyai kemahiran yang diperlukan manakala untuk kemudahan peralatan responden memberikan sebanyak 52.6% sahaja persetujuan mereka. Ini bermakna input bagi Sekolah Menengah Teknik telah mencapai sasaran keberkesanannya.

Manakala untuk Sekolah Menengah Akademik pula 66.7% bersetuju guru mempunyai pengetahuan ko-kurikulum dan 51.5% mengatakan guru berkemahiran sedangkan 63.3% mengatakan kelengkapan peralatan sukan adalah memuaskan. Perbezaan yang agak ketara pada dimensi ini ialah berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran yang ada pada guru, sedangkan persediaan kelengkapan peralatan adalah sederhana dan perlukan tindakan susulan.

Peningkatan keberkesanan pada dimensi input ini untuk Sekolah Menengah Teknik adalah berkaitan dengan penaikan taraf Sekolah Menengah Vokasional kepada Teknik yang diumumkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak (Berita Harian, 7 Julai, 1997). Sedangkan ini tidak berlaku kepada Sekolah Akademik yang mana masih meneruskan segala perancangan dan kelengkapan yang sedia ada. Ini sedikit sebanyak mempengaruhi keputusan kajian pada kali ini.

Menurut Rasidi dan Abdul Razak (1996), mengatakan bahawa seseorang guru itu haruslah menguasai segala ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan pendidikan. Ini penting untuk memudahkan proses pengajaran berjalan dengan lebih berkesan.

Pengetua juga merupakan tunggak penting kepada kejayaan sesebuah sekolah kerana pengetua bertanggung jawab keatas semua pengurusan melibatkan masyarakat sekolah. Sebagai pentadbir hendaklah menetapkan bagaimana hendak mencapai matlamat yang ditetapkan.

Guru sebagai pelaksana dasar mestilah membuat persediaan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya seiring dengan kemajuan sains dan teknologi negara yang ingin mencapai matlamat wawasan 2020.

5.2.2 Dapatan Persoalan 2 Keberkesanan Pada Dimensi Proses

Keputusan kajian yang diterima pada dimensi proses ini bagi Sekolah Menengah Teknik menunjukkan 76% responden bersetuju bahawa guru menggunakan kaedah pengajaran yang baik dan berkesan manakala 70.1% mengatakan bahawa jadual waktu yang sedia ada itu tidak mengganggu waktu pembelajaran yang lain dan tidak menyulitkan pelajar.

Untuk Sekolah Menengah Akademik pula sebanyak 81.8% responden mengatakan guru menggunakan kaedah pengajaran dengan baik dan berkesan

manakala 83.3% pula mengatakan jadual waktu yang sedia ada tidak mengganggu pelajaran yang lain malah pelajar masih lagi merasa selesa untuk belajar.

Pada keseluruhan dimensi ini menunjukkan prestasi yang baik kerana peratus terendah ialah 70.1% dan peratus tertinggi ialah 81.8%. Ini menunjukkan perancangan yang dilakukan di kedua-dua jenis sekolah ini berada pada landasan yang betul dan hanya perlukan kepada sedikit penambahan usaha untuk lebih maju lagi.

Keadaan ini sesuai dengan kajian yang dibuat oleh Safie Basri (1992), yang menyatakan bahawa jadual waktu yang diguna sekarang dimana-mana tidak memberi kesan terhadap pencapaian pelajar dan ini selari dengan keputusan kajian yang diperolehi.

Begitulah juga dengan kajian yang telah dibuat oleh Ariffin Zainal (1985), yang mengatakan kaedah tunjuk cara yang perlu diamalkan adalah berkesan dan baik untuk kelancaran pembelajaran pelajar dan sebagai permulaan pengajaran. Ini membolehkan pelajar lebih bersedia untuk menerima pembelajaran.

Menurut pakar biologi Karl Gross dalam Teng Boon Tong (1984) telah mengemukakan teori persediaan yang menerangkan bahawa kecenderungan untuk bermain-main itu adalah bersifat persediaan. Teori ini telah diguna pakai sekarang.

5.2.3 Dapatan Persoalan 3 Keberkesanan Pada Dimensi Produk

Dapatan kajian pada dimensi produk ini menunjukkan 76.3% responden bagi Sekolah Menengah Teknik ini mengatakan bahawa mereka boleh menguasai ilmu pengetahuan yang diajar oleh guru manakala 74.2% pula menyatakan mereka boleh menguasai kemahiran yang telah diajar oleh guru.

Untuk Sekolah Menengah Akademik pula 60.6% responden mengatakan bahawa mereka boleh menguasai ilmu pengetahuan yang telah diajar oleh guru manakala 75.5% pula mengatakan mereka dapat menguasai kemahiran yang guru ajarkan kepada mereka.

Pada keseluruhan dimensi ini adalah baik kerana peratusannya adalah melebihi 50%. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mohamad Razali Bakar (1993) mendapati bahawa penglibatan pelajar di dalam aktiviti sukan atau ko-kurikulum tidak memberi kesan kepada kecemerlangan penguasaan akademik.

Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1986) menyatakan untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran maka guru berkenaan seharusnya terlebih dahulu menguasai pengetahuan dan kemahiran psikomotor. Ini untuk memudahkan guru didalam proses pengajaran kelak.

Menurut Teng Boon Tong (1984) di dalam bukunya Pendidikan Jasmani dan Kesihatan menerangkan bahawa pelajar-pelajar yang mengikuti program ini sepatutnya apabila sudah tamat pengajian akan mewarisi sifat-sifat seperti, bekerjasama, bersemangat kesukanan, bersifat toleransi, kesabaran, timbangrasa, hormat menghormati, ada sifat kepimpinan, mempunyai kesedaran nilai masyarakat dan daya tahan diri.

5.3 Rumusan

Daripada hasil kajian yang dibentangkan tadi pada keseluruhannya menunjukkan keputusan yang tinggi. Walau bagaimanapun untuk memudahkan lagi analisa dibuat, maka eloklah rumusan ini diasingkan mengikut dimensi-dimensi yang tertentu.

5.3.1 Keberkesanan Dimensi Input.

Pada keseluruhannya keberkesanan pada dimensi input ini adalah tinggi di mana nilai min keseluruhannya ialah 3.66 bagi Sekolah Menengah Teknik dan 3.50 bagi Sekolah Menengah Akademik yang ditunjukkan pada jadual sebelum ini. Walaupun begitu, sebagai seorang guru, ilmu itu sebagai sahabat yang perlu dipelajari dan ditimba setiap masa. Guru mestilah memperbaiki kelemahan terutama dalam hal mempunyai maklumat terkini yang hendak disampaikan kepada pelajar. Pengetahuan guru hendaklah bersaing dengan perkembangan maklumat terkini yang serba canggih.

5.3.2 Keberkesanan dimensi proses

Hasil kajian yang diperolehi pada dimensi ini didapati keberkesanan adalah tinggi kerana nilai min pada keseluruhannya ialah 3.70 bagi Sekolah Menengah Teknik manakala nilai min keseluruhan bagi Sekolah Menengah Akademik pula ialah 3.81. Walau bagaimanapun guru mestilah mengatasi masalah bagaimana hendak menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan, kaedah penilaian dan kemantapan menyampaikan ilmu kepada murid. Bahagian ini agak merosot sedikit dan perlu diperbaiki untuk kebaikan pelajar dan perlukan kepada perubahan segera.

5.3.3 Keberkesanan pada dimensi produk

Hasil kajian yang diperolehi didapati keberkesanan pada keseluruhannya adalah tinggi iaitu pada nilai min 3.80 bagi Sekolah Menengah Teknik dan 3.64 bagi Sekolah Menengah Akademik. Untuk menambahkan lagi keberkesanan guru mestilah mengambil pendekatan yang lebih berkesan didalam menyampaikan pengajaran kepada murid samada melalui teknik penyampaian yang berbeza dan sebagainya.

Kelemahan-kelemahan yang didapati itu semestinya diatasi seberapa segera supaya keupayaan institusi pendidikan awam ini dipercayai oleh masyarakat. Ini kerana pada masa sekarang ini berbagai institusi pendidikan tumbuh bagaikan cendawan yang menawarkan berbagai kemudahan pendidikan. Ini dapat dilihat pada masa sekarang ini dimana ibu bapa sudah banyak pilihan untuk menghantar anak-anak mereka untuk belajar kerana dasar kerajaan yang terbuka kepada pihak tertentu untuk menubuhkan sekolah-sekolah swasta dan kolej yang tidak kurang juga malahan ada yang menyediakan kemudahan terbaik untuk pelajarinya. Sekiranya kelemahan yang timbul tidak diatasi dengan segera masyarakat akan mengalih tumpuan mereka kepada institusi-institusi yang disebutkan tadi.

Untuk menyakinkan masyarakat kepada institusi sekolah ini pihak yang menjalankan pentadbiran hendaklah melakukan sesuatu terutamanya berkaitan peralatan kelengkapan, pengetahuan guru dan kaedah pengajaran yang paling berkesan serta segala prasarana yang baik untuk pelajar-pelajar mereka supaya ada persaingan dengan pihak-pihak lain yang menubuhkan pusat-pusat pengajian mereka masing-masing.

5.3 Cadangan

Apabila analisis dibuat pada panghujung kajian ini adalah didapati

masih banyak lagi ruang-ruang yang boleh dipenuhi untuk meningkatkan lagi prestasi pelajar berkaitan dengan bidang yang menjurus kepada tiga dimensi yang dikaji. Jika cadangan ini diteliti sedikit sebanyak akan memberikan kebaikan kepada pendidikan ko-kurikulum di peringkat sekolah.

- a) Berikan kursus yang khusus kepada guru-guru yang terlibat didalam pengajaran aktiviti ko-kurikulum ini sebanyak mungkin dan terkini.
- b) Beri ruang yang luas kepada guru untuk melanjutkan pelajaran keperingkat lebih tinggi dan berikan segala kemudahan dan galakan kepada guru seperti kewangan, tempat tinggal dan sebagainya.
- c) Pihak pengetua dan pentadbir hendaklah melengkapkan segala kemudahan-kemudahan yang diperlukan sesuai dengan era teknologi maklumat sekarang seperti kemudahan yang terdapat pada sekolah bestari.
- d) Hubungan diantara pentadbir dan guru-guru dimesrakan untuk melicinkan lagi perjalanan pentadbiran dan proses pengajaran dan pembelajaran.
- e) Pihak kementerian pendidikan hendaklah mengadakan lawatan keatas sekolah-sekolah yang melaksanakan ko-kurikulum ini untuk mengkaji dari masa ke semasa supaya kemas kini dan boleh dibaiki secepat mungkin jika terdapat kekurangan.
- f) Berikan insentif kepada guru-guru yang mempunyai kelayakan supaya mereka menambahkan lagi kesungguhan terhadap tugas.
- g) Hapuskan kekangan-kekangan yang timbul yang menghalang daripada tercapainya keputusan yang cemerlang

5.4.1 Cadangan Penyelidikan Masa Depan.

Oleh kerana kajian yang dijalankan ini tidaklah begitu mendalam memandangkan keadaan tertentu maka adalah dicadangkan supaya dimasa akan datang ini perkara-perkara di bawah ini di teruskan:

- a) Luaskan lagi bidang kajian yang berkaitan dengan bidang bidang yang telah dibuat untuk melihat dengan lebih mendalam dan lebih kemas kini lagi lengkap.
- b) Kaitkan bahagian (a) dengan item-item yang di soal di dalam soalan kajian untuk mendapatkan maklumat yang terperinci.
- c) Panjangkan ruang masa mengkaji kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan lebih tepat.
- d) Soalan-soalan yang dikemukakan hendaklah lebih mendalam lagi kepada aspek-aspek yang telah dikaji.

5.5 Penutup

Oleh kerana kajian ini amat berfaedah kepada aktiviti ko-kurikulum ini maka kajian ini perlu diteruskan lagi kerana bidang ini amat bersaing sekarang ini dengan teknologi maklumat yang canggih dan manusia begitu bersungguh-sungguh untuk mengetahuinya sehinggakan kadang kala tiada ada masa untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh mengeluarkan peluh.

Kajian yang berterusan amat penting dan berguna sebagai rujukan kepada mereka-mereka dikemudian hari untuk dijadikan sebagai bahan kajian terhadap kehidupan manusia di zaman serba moden ini yang mana manusia sering lalai dan hanya mengejar kehidupan.